

TARIKH: 18/7/03
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia
MUKA SURAT: 5

'Saya nak beritahu Annuar Musa, kamu tahu apa'

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Hanya Tan Sri Annuar Musa sahaja yang tidak tahu mengenai wujudnya cubaan mengharamkan UMNNO, kata Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Presiden UMNNO itu berkata, sebagai setiausaha agung parti-nya dan Barisan Nasional (BN) ketika itu, Annuar sepatutnya mempertahankan parti dan bu-kan mana-mana pihak lain.

"Saya nak beritahu Annuar Musa, kamu tahu apa.

"Kamu jadi setiausaha agung pun saya lantik sebab kamu kalah jawatan timbalan presiden tapi hati kamu lebih ke sana. Bila adakan Muafakat Nasional dan Penyatuan Ummah, hati kamu ke belah sana bukan UMNNO.

"Jangan ceritalah lagi ko- nonnya saya dan kepimpinan utama tidak tahu. Kamu seorang yang tak tahu sebab hati tidak sama dengan UMNNO walaupun bergelar Setiausaha Agung UMNNO dan BN," katanya kepada pemberita di Forum Na- sional: Kerangka Kerjaya Indus-



AHMAD Zahid Hamidi bergambar bersama pemandu-pemandu P-Hailing di WTCKL, Kuala Lumpur, semalam.
-UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

tri GIG di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini, semalam.

Kenyataan balas Presiden UMNNO itu susulan penegasan Annuar yang mengatakan ba- hawa bekas Perdana Menteri,

Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak pernah merancang untuk meng- haramkan UMNNO seperti yang didakwa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Namun, Ahmad Zahid me-

nyatakan kenyataan Annuar itu menunjukkan sebagai tidak menghargai kedudukan dan parti.

"Inilah jenis orang yang tidak tahu mengenangjasa. Bilakah naik junjung, inilah perbadi se- seorang itu," katanya.

Utusan Malaysia
18/7/03
m55